

KALAM ANTIRASUAH MAFI 2021 - 2025

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES (MAFI)



KARMA
KALAM ANTIRASUAH MAFI
2021 - 2025

Unit Integriti
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Blok Podium 1B - 4G1
Wisma Tani
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA

KALAM ANTIRASUAH MAFI 2021 - 2025



“Kerajaan pimpinan saya akan memberi keutamaan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan integriti dan tadbir urus kerajaan yang baik.”

YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN
Perdana Menteri Malaysia

"Great men simplify great principles and make them easily intelligible to ordinary men"

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Perdana Menteri Pertama

"Disiplin yang baik terbentuk dari sikap yang baik dan sikap yang baik adalah hasil daripada pemimpin dan teladan yang baik"

Tun Abdul Razak bin Hussein
Perdana Menteri Kedua

"Seseorang pemimpin mestilah jujur. Kejujuran dalam pemikiran, pertimbangan dan tindakan. Tanpa kejujuran yang tulin, seseorang pemimpin akan menggunakan jawatannya sebagai bahan dagangan untuk mencapai kedudukan, mencari pengaruh, nama dan membolot kekayaan. Ia akan mengambil kesempatan daripada sesuatu atau krisis untuk menanggok di air keroh"

Tun Hussein Onn
Perdana Menteri Ketiga

"Usaha kerajaan membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) adalah bagi mencapai aspirasi supaya Malaysia dikenali kerana Integriti dan bukannya rasuah"

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad
Perdana Menteri Keempat & Ketujuh

"Komitmen masyarakat berupaya membawa perubahan dalam usaha menghapuskan jenayah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa, mencegah ketidakadilan dan membasmikan ketidakcekapan"

Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
Perdana Menteri Kelima

"Integriti dalam memelihara amanah, komitmen menjalankan kewajiban dan ketegasan menegakkan keadilan sosial sewajarnya menjadi tunjangan perkhidmatan awam"

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak
Perdana Menteri Keenam

MAKSUD LOGO KARMA 2021 – 2025



BUNGA PADI

Bunga padi melambangkan pertanian secara umumnya sebagai pengenalan kepada MAFI.

Tiga warna iaitu biru, hijau dan coklat adalah mewakili tiga (3) Industri Utama iaitu Pertanian, Perikanan dan Penternakan.

Lima kuntum bunga padi mekar melambangkan lima (5) pancaindera insan yang mencorak kehidupan serta lima (5) Rukun Islam yang wajib dilaksanakan dan lima (5) Rukun Negara yang perlu menjadi pegangan rakyat Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Unit Integriti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan terlebih dahulu.

Unit Integriti
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Blok Podium 1B - 4G1
Wisma Tani
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA
MALAYSIA

No.Tel: 03-88701000
E-mel: integriti@mafi.gov.my
Laman Web: <https://www.mafi.gov.my>
Dicetak oleh:
ARDITIVE DESIGN (001935623-K)
arditive@gmail.com
019 376 6068

KARMA
Ringkasan daripada Kalam Antirasuah MAFI sebagai panduan dan pelan pencegahan rasuah kementerian kepada warga MAFI dalam menjalani kehidupan berorganisasi yang mematuhi peraturan dan undang-undang serta memiliki sifat integriti yang tinggi.

Putih dan hitam sebagai perlambangan kehidupan manusia yang asalnya dilahirkan suci dan bersih. Namun terkesan dengan corak kehidupan yang mana pada akhirnya diharapkan kembalinya nanti dalam keadaan fitrah yang asal.

- • • • •
- • • • •





PERUTUSAN YB MENTERI

Salam sejahtera

Syabas dan tahniah kepada warga Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kerana telah berjaya menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (*Organisational Anti-Corruption Plan - OACP*) yang dikenali sebagai KARMA iaitu ringkasan kepada Kalam Antirasuah MAFI.


Saya berharap agar KARMA 2021 - 2025 dapat dijadikan sebagai panduan utama kepada semua warga MAFI khususnya dan diperaktikkan secara menyeluruh melalui penghayatan penuh oleh semua pihak tanpa mengira latar belakang, termasuklah pemegang-pemegang taruh yang berkenaan dalam usaha mendokong aspirasi nasional "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah".


Penyediaan pelan ini adalah selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 - Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia yang telah mewajibkan setiap kementerian untuk melaksanakan penilaian risiko rasuah seterusnya membangunkan OACP masing-masing dan menjadikan langkah-langkah pencegahan rasuah satu keutamaan. Sekiranya langkah pencegahan ini tidak dibuat dengan bersungguh-sungguh, dikhuatiri kesan yang akan ditanggung bagi memperbaiki dan memulihkan kerosakan yang berlaku akan menjadi lebih berisiko sekali gus merugikan masa dan membazirkan wang rakyat.

Sehubungan itu, amatlah besar harapan saya agar pelan ini dapat memberikan nafas baru kepada warga MAFI seterusnya menjadikan MAFI sebagai sebuah kementerian yang berkaliber dan bebas rasuah direalisasikan dengan jayanya. Akhir kata semoga MAFI akan terus maju demi negara Malaysia yang tercinta.

Sekian, terima kasih.

YB. DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE





Rasukah
memperbaikan
masyarakat
dan
Negara .

RJ Sander

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee
Menteri Pertanian dan Industri Makanan



Jantiklah gejala Rasuah sebagai amalan hidup selaras dengan kuitan agama.
Rasuah mentara berundur sebaliknya kepada Negar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah
Timbalan Menteri I



Rasuh! Keuntungan disebalik kehinaan yang nyata. Pelihara lah maruah diri sehingga akhir hayat. Tolak budaya Rasuah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi
Timbalan Menteri II

3/12/2020

**PERUTUSAN YBHG. PENGERUSI
JAWATANKUASA PEMBANGUNAN
KARMA 2021 – 2025**



*Assalamualaikum W.B.T
Salam Sejahtera*

Alhamdulillah syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik dan innayah-Nya juu maka Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dapat menyediakan KARMA 2021 – 2025 iaitu sebagai PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN - OACP) yang akan dijadikan sebagai dokumen rujukan utama dalam memastikan tahap integriti warganya sentiasa tinggi seterusnya meningkatkan imej MAFI dalam sistem penyampaian kerajaan.

Sebagai dokumen utama yang menyatakan dasar berkenaan antirasauh peringkat kementerian, KARMA 2021 - 2025 telah menggariskan langkah-langkah proaktif yang dikenal pasti bagi menangani isu-isu berkaitan dengan tadbir urus, integriti dan antirasauh dengan menekankan aspek pengukuhan sistem dan prosedur kerja, kawalan dalaman, serta peningkatan penghayatan nilai-nilai murni khususnya dalam kalangan warga MAFI bagi mendepani pelbagai cabaran dan perubahan semasa yang dinamik bagi tempoh lima (5) tahun pelaksanaannya bermula pada tahun 2021 sehingga 2025.

Bagi menjayakan objektif KARMA 2021 - 2025 ini, saya menyeru semua pihak dari pelbagai lapisan untuk memberikan komitmen dan bersikap proaktif dalam memastikan segala inisiatif yang telah dirangka dapat dilaksanakan bersama-sama sebagai satu pasukan dengan amanah, bertanggungjawab dan penuh berintegriti.

Akhir kalam, diharapkan agar semua pihak dapat memastikan visi kerajaan untuk melahirkan sebuah negara yang bebas rasuah dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID



**PENGANTAR
PENGARAH UNIT INTEGRITI**



*Assalamualaikum W.B.T
Salam Integriti*

Alhamdulillah syukur atas izin dan limpah kurnia-Nya, Kalam Antirasauh MAFI atau KARMA 2021 – 2025 dapat dibangun dan dizahirkan penerbitannya Sebagai Pelan Antirasauh Organisasi (OACP). Sesungguhnya kejayaan KARMA 2021 – 2025 atas usaha bersama Kepimpinan Tertinggi MAFI dengan Unit Integriti yang sentiasa komited dalam usaha melahirkan warga kerja yang sentiasa berintegriti tinggi.

KARMA 2021 – 2025 telah dibangunkan secara holistik melalui pelaksanaan beberapa siri bengkel menilai risiko rasuah serta mengenal pasti langkah-langkah penambahbaikan pelan tindakan dan inisiatif bagi menutup ruang dan pelaku rasuah serta meningkatkan integriti setiap warga MAFI. Pelan tindakan dan insiatif yang dirangka ini telah mengambil kira permasalahan terkini dan perancangan masa hadapan ke arah memperkasakan usaha pencegahan rasuah, peningkatan ketelusan, integriti dan tadbir urus pentadbiran.

Sesungguhnya penghasilan KARMA 2021 – 2025 memerlukan setiap warga MAFI beriltizam dengan tekad yang tinggi ke arah merealisasikan hasrat menjadikan MAFI sebagai Peneraju Pertanian dan Industri Makanan Berintegriti, Telus dan Mesra Rakyat. Besarlah harapan saya agar perubahan dapat dilihat dan impian dizahirkan melalui penghayatan KARMA 2021 – 2025 demi masa hadapan yang lebih bertuah dan bermaruah.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat dalam merangka dan menghasilkan penerbitan KARMA 2021 – 2025 sama ada secara langsung atau tidak langsung. Marilah kita berganding bahu seia sekata memanfaatkan pelan antirasauh ini ke arah negara yang dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.

Sekian, terima kasih.
“INTEGRITI DI HATIKU”

AZMIN BIN YUSOFF





PERNYATAAN KOMITMEN

Kalam Antirasuah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), KARMA 2021 - 2025 merupakan dokumen dasar antirasuah utama peringkat kementerian yang menterjemah kesungguhan dan komitmen seluruh warganya untuk membantu kerajaan mencapai hasrat negara bebas rasuah.

Selaras kehendak kerajaan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2019, pelan bersepada ini turut memenuhi kehendak Pengurusan Tertinggi MAFI bagi menetapkan hala tuju yang sama, supaya hasrat menjadikan MAFI sebuah kementerian yang bebas rasuah dapat direalisasikan sekali gus mengubah tanggapan negatif masyarakat terhadap imej kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan.

KARMA 2021 - 2025 ini telah berjaya dihasilkan berkat sokongan dan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM),

Jabatan Audit Negara (JAN) termasuklah bahagian-bahagian dan unit di bawah MAFI selaku pemilik kepada risiko-risiko yang telah dikenal pasti menerusi beberapa siri Bengkel Penilaian Risiko dan Pembangunan OACP yang diadakan. Pelan komprehensif ini telah dibangunkan meliputi isu-isu dalam berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah termasuklah mengenal pasti cabaran-cabaran dari faktor-faktor luaran yang mampu mempengaruhi ekosistem pentadbiran MAFI dan industri makanan secara keseluruhannya.

Kami meletakkan harapan yang tinggi bahawa melalui kerjasama erat antara semua pihak termasuk pemegang taruh MAFI, usaha membanteras rasuah berteraskan pelan ini akan memberikan nafas baharu kepada imej dan tahap kredibiliti warga MAFI. Semoga MAFI menjadi entiti terpenting dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa terutamanya dalam meneraju transformasi pertanian dan industri makanan yang berintegriti, telus dan mesra rakyat.

BAB 1
PENGENALAN



BAB 2
SENARIO DAN CABARAN

BAB 3
**MEMPERKASAKAN
USAHA PENCEGAHAN
RASUAH**



BAB 4
TADBIR URUS



BAB 5
KESIMPULAN



RINGKASAN EKSEKUTIF

KARMA 2021 - 2025 dibangunkan selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 Tahun 2019 Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP).

BAB 1

Menerangkan evolusi dan episod dasar pencegahan rasuah MAFI mengenai tadbir urus dan integriti yang telah dilaksanakan sejak penubuhan Unit Integriti MAFI pada 17 Februari 2014 sebagaimana yang digariskan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013.

BAB 2

Memfokuskan isu-isu dan cabaran yang dikenal pasti telah menyebabkan MAFI mengalami kerugian akibat ketirisan hasil dan penyelewengan subsidi kerajaan. Hal ini berpunca daripada kelemahan tadbir urus dalam bidang pemberian subsidi, perolehan, penguatkuasaan dan pentadbiran. Lima bidang utama berisiko tinggi telah dikenal pasti berdasarkan kepada hasil analisis persekitaran yang dilaksanakan meliputi Bidang Keutamaan Pengurusan Perolehan Awam, Pengurusan Permit/Lesen/Kuota, Penguatkuasaan dan

Pendakwaan Padi Beras, Pengurusan Bantuan/Insentif dan Pentadbiran dan Pengurusan Awam.

BAB 3

Menyentuh mengenai kerangka KARMA 2021 - 2025 termasuk Visi, Misi, Matlamat dan Analisis Kuadran berdasarkan dapatan analisis data secara menyeluruh yang dikupas melalui Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM), Bengkel Analisis Risiko Rasuah (CRA), data-data tohmahan SPRM, tata tertib dan sebagainya.

BAB 4

Menjelaskan mengenai tadbir urus dan struktur jawatankuasa yang menerajui dan bertanggungjawab terhadap pelan tindakan yang ditetapkan dalam KARMA 2021 - 2025 bagi memastikan tindakan tersebut dilaksanakan secara sistematis dan berstruktur.

BAB 5

Merupakan bab terakhir yang merangkumi keseluruhan pelan serta memberikan penegasan terhadap kepentingan untuk pelan ini dilaksanakan dengan sepenuh hati demi kelangsungan dan keberkesanannya.



KANDUNGAN

BAB 1 PENGENALAN

Latar Belakang	5
Visi, Misi, Objektif MAFI	8
Fungsi dan Peranan MAFI	9
Hala Tuju KARMA 2021 - 2025	10

BAB 2 SENARIO DAN CABARAN

Visi, Misi dan Matlamat KARMA 2021 - 2025	13
Isu dan Cabaran	14
Analisis Persekutaran dan Penilaian Risiko	19
Analisis Bidang Berisiko Kepada Rasuah	28

BAB 3 MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

Kerangka KARMA 2021 - 2025	31
Analisis Punca Rasuah dan Salah Laku	33
Analisis Kuadran dan Pelan Tindakan	34
Keutamaan Strategi	35
Bidang Keutamaan	36
Pengurusan Perolehan Awam	
Pengurusan Permit/Lesen/Kuota	
Penguatkuasaan dan Pendakwaan Padi Beras	
Pengurusan Bantuan/Insentif	
Pentadbiran dan Pengurusan Awam	

BAB 4 TADBIR URUS

Bidang-Bidang Berisiko	49
Mekanisme Penyelarasaran dan Penilaian	50

BAB 5 KESIMPULAN

Kesimpulan	55
Sekalung Budi	57



YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Etika integriti perlu diamalkan,
dipupuk dan disanadikkan
dalam jiwa setiap orang kerja
perkhidmatan awam....

Kelstarian budaya berintegriti
menyumbang kepada kecermatan
sesekolah organisasi.

"KEJAYAAN TANPA INTEGRITI
ADALAH REAKARAN"

BAB 1: PENGENALAN

"Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah S.W.T dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)."

[Surah Al-Anfal 8:27]

LATAR BELAKANG

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah melaksanakan tindakan pengukuhkan integriti dan pencegahan rasuah secara berstruktur dengan melaksanakan Pelan Integriti MAFI bagi mendukung Pelan Integriti Nasional (PIN) yang telah dilancarkan pada 23 April 2004 bermatlamatkan masyarakat bermoral dan beretika tinggi dengan nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi budi pekerti luhur.

Ini diikuti pula dengan gerakan Program Transformasi Kerajaan (GTP 1.0) yang diperkenalkan pada tahun 2010 dan Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) pada tahun 2012 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) mengenai Antirasuah. Inisiatif GTP 1.0 bertujuan menangani rasuah

melalui pelbagai inisiatif bermula dari peringkat atas hingga yang paling bawah. Namun begitu, usaha ini perlu diperhebatkan lagi dan ditambah baik melalui pelancaran GTP 2.0 bertujuan mencapai sasaran melalui inisiatif dengan program yang lebih terperinci.

Inisiatif ini diteruskan lagi dengan menubuhkan Unit Integriti MAFI selaras Pekeling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013. Penubuhan Unit Integriti dijadikan sebagai benteng utama dalam memastikan tahap integriti warga MAFI dan usaha pencegahan rasuah dilaksanakan secara berstruktur. Antara inisiatif utama yang digariskan adalah pelaksanaan pusingan kerja, inisiatif perlindungan pemberi maklumat dan *integrity pact* dalam perolehan kementerian.

2004 Pelan Integriti Nasional (PIN)

2010 Program Transformasi Kerajaan (GTP1.0)

2012 Program Transformasi Kerajaan (GTP2.0)

2019-2023 Pelan Antirasuah Nasional (NACP)

2019 - 2023 Pelan Antirasuah Nasional (NACP)



Tekad dan azam kerajaan dalam inisiatif pemerkasaan antirasuah negara diteruskan dengan memperkenalkan langkah-langkah membanteras rasuah menerusi pembangunan Pelan Antirasuah Nasional/ *National Anti-Corruption Plan-NACP*.

Usaha kerajaan memperkenalkan NACP adalah mematuhi Artikel 5, *United Nation Convention Against Corruption* (UNCAC), yang menggariskan keperluan pelaksanaan garis panduan atau polisi yang berkaitan antirasuah bagi anggota-anggotanya demi meningkatkan ketelusan, integriti, akauntabiliti dan tadbir urus pentadbiran.

Rentetan itu, semua kementerian termasuklah MAFI adalah diwajibkan untuk meneruskan kesinambungan inisiatif NACP

tersebut dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) di peringkat kementerian masing-masing bagi memastikan agenda pencegahan rasuah dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan selaras dengan Strategi 2: Memperkuuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam, pembangunan OACP adalah satu inisiatif mandatori di bawah Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019.

REKOD CPI MALAYSIA

TAHUN	KEDUDUKAN	SKOR
2014	50	52
2015	54	50
2016	55	49
2017	62	47
2018	61	47
2019	51	53

Keperluan Pembangunan KARMA 2021 - 2025

1

Kepentingan kepada organisasi bagi menangani permasalahan dan kelemahan tadbir urus, integriti dan antirasuah.

2

Mematuhi Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019

3

Melaksanakan dasar kerajaan melalui inisiatif 2.1.5 yang mewajibkan pelaksanaan NACP di sektor awam

4

Kesiapsiagaan organisasi komersial supaya mempunyai tatacara mencukupi selaras peruntukan Seksyen 17A ASPRM 2009

5

Memastikan kelestarian dan pembangunan organisasi bebas rasuah dengan mengambil kira situasi masa kini dan masa hadapan



Habshah binti Ali
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)

Wabak kasual meragut keimanan,
Covid -19, mengancam kesihatan,
Kedua-duanya sedang melanda
kita, Marilalu kita sama-sama
berdoa agar dijauhkan daripadanya
Semoga negara kita sentiasa
dalam rahmat Ilahi juga ..

Habshah
5 Oktober 2020

Nobody can take "Integrity"
from you. Only you
can decide to let
it go.

20/10/2020



Safida Zalma binti Mohd Piah
Setiausaha Bahagian Pembangunan



VISI

Peneraju Transformasi Pertanian

MISI

- ❖ Mentransformasikan sektor pertanian supaya menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetitif;
- ❖ Malaysia kompetitif sebagai pengeluar utama makanan dunia; dan
- ❖ Pertanian sebagai salah satu jentera pertumbuhan ekonomi negara.

OBJEKTIF

Menerajui proses-proses transformasi dalam sektor pertanian secara terancang, bersepadu dan menyeluruh berteraskan pengembangan seluruh pemikiran dan tenaga organisasi ke arah pencapaian matlamat Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011 - 2020.

FUNGSI DAN PERANAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)



HALA TUJU KARMA 2021 - 2025

Berdasarkan kepada trend rasuah di Malaysia dan kajian oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tahun 2013 sehingga 2018, sektor awam merupakan sektor paling berisiko (63.3%) berbanding sektor swasta (17.06%). Kajian tersebut juga menunjukkan 42.8% aduan diterima berkaitan sektor perolehan, 23.9% penguatkuasaan manakala 8.69% pelesenan dan permit yang menjadikan ketiga-tiga sektor ini menyumbang sebanyak 75.39% jumlah aduan yang diterima SPMR. Merujuk kepada statistik siasatan juga, sepanjang tahun 2019 sebanyak 2,526 maklumat berkaitan rasuah penjawat awam telah diterima oleh SPMR dan menghasilkan pembukaan 480 kertas siasatan, 463 tangkapan serta 145 pertuduhan.

MAFI tidak terkecuali menerima tempiasnya di mana data SPMR menunjukkan bagi tahun 2015 sehingga 2019 sebanyak 52 tohmahan diterima dengan 6 kertas siasatan dibuka, 7 tangkapan telah dibuat di mana 2 daripadanya telah dituduh dan 1 telah disabitkan. Statistik ini memberikan satu isyarat jelas bahawa MAFI turut terdedah terhadap ancaman rasuah. Sehubungan itu, bagi memastikan ekosistem industri pertanian dan makanan negara adalah seiring dengan perkembangan dan aliran permodenan teknologi, pengukuhan tadbir urus dan sistem penyampaian yang berkesan adalah amat dititik beratkan. Pelbagai isu dan cabaran dihadapi oleh MAFI berkenaan integriti dan rasuah yang mana isu yang popular dan sering dikaitkan dalam media masa adalah berkaitan isu perolehan, kewangan, lesen dan permit, bantuan dan insentif, integriti data-data penerima bantuan, penyelewengan baja

**ADUAN RASUAH
KAJIAN SPRM 2013-2018**

63.3%
aduan diterima
berkaitan sektor
awam

ADUAN DITERIMA BERKAITAN SEKTOR

42.8%
PEROLEHAN

23.9%
PENGUATKUASAAN

8.69%
PELESENAN & PERMIT

MENYUMBANG SEBANYAK

75.39%

**DARIPADA JUMLAH ADUAN DITERIMA
SPRM**

sumber : SPMR

dan pelbagai lagi sehingga ianya menjelaskan nama baik MAFI.

Justeru MAFI sentiasa proaktif dalam mencari jalan penyelesaian yang efektif bagi mengatasi isu-isu yang timbul dalam usaha mengubah tanggapan negatif masyarakat terhadapnya. Pelbagai inisiatif yang inovatif dilakukan dan sentiasa dirangka bagi mengatasi kelemahan yang dikenal pasti bagi mengurangkan risiko yang ada. Sebagai peneraju kepada industri pertanian dan makanan negara, integriti dan ketulusan menjadi aspek penekanan utama dalam penyampaian perkhidmatan di samping menjalankan usaha memerangi aktiviti tidak bermoral seperti rasuah, penyelewenggan dan isu-isu integriti terutama dalam kalangan warga MAFI.



Azman bin Mahmood
Setiausaha Bahagian
Industri Padi dan Beras

‘Budaya Integriti dan
etika kerja seumpama
benih yang baik, jatuhan
ke laut menjadi
PULAU’

AZMAN
(AZMAN BIN MAHMOOD)
SUB IPB/WP KPB

Cara teknik untuk
menjatuhkan seseorang
anda boleh menyeayai
seusy adalah dengan
mempercayai mereka

TMO 26/10/2020



Mazlan bin Othman
Setiausaha Bahagian
Industri Tanaman,
Ternakan dan Perikanan



VISI, MISI DAN MATLAMAT KARMA 2021 - 2025



VISI

Peneraju Pertanian dan Industri Makanan Berintegriti,
Telus dan Mesra Rakyat

MISI

- ❖ Meningkatkan Kecekapan Pengagihan Insentif Pertanian Secara Bersasar;
- ❖ Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan Yang Cekap dan Berintegriti; dan
- ❖ Memperkuuhkan Jati Diri Warga Kementerian.

MATLAMAT

- ❖ Meningkatkan Akauntabiliti Penyampaian Perkhidmatan Kepada Golongan Sasar;
- ❖ Mempertingkatkan Penguatkuasaan dan Pemantauan; dan
- ❖ Membudayakan Nilai dan Etika Murni Dalam Penyampaian Perkhidmatan.



ISU DAN CABARAN

Input-input kajian Pengurusan Risiko Rasuah (*Corruption Risk Management - CRM*) dan Analisis Risiko Rasuah (*Corruption Risk Assessment - CRA*) yang dilaksanakan semasa proses pembangunan pelan ini telah digunakan dalam melaksanakan analisis SWOT bertujuan mengenal pasti faktor-faktor dalam dan luaran MAFI seperti kekuatan (*strengths*), kelemahan (*weaknesses*), peluang (*opportunities*) dan ancaman (*threats*).

4

KELEMAHAN DAN ISU UTAMA



PERATURAN YANG LAPUK DAN TERDAPAT KELEMAHAN *CHECK AND BALANCE*

Ketiga, masih terdapat amalan kebiasaan yang dijadikan secara turun temurun mengikut budaya kerja tertentu yang bertentangan dengan SOP sedia ada. Amalan ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan dan kepatuhan SOP masih perlu diperbaiki.

PELAKSANAAN TUGAS BERDASARKAN AMALAN DAN TIDAK MENEPATI SOP

Keempat, isu yang penting dan memberikan impak signifikan terhadap penguatkuasaan undang-undang berpunca daripada kekurangan pegawai penguatkuasa sehingga menimbulkan masalah terutamanya dalam kompleksiti tugas dan kelemahan pemantauan di lapangan.

BILANGAN PENGUATKUASA TIDAK MENCUKUPI


CAPAIAN SISTEM TERHAD -
TIADA INTEGRASI SISTEM ANTARA
MAFI DENGAN JABATAN
DAN AGENSI

Kedua, isu mengenai peraturan lapuk dan tidak dikemas kini sehingga menyebabkan timbul implikasi negatif terhadap peraturan sedia ada. Peraturan lapuk dan kelemahan yang ada perlu dikenal pasti dan digubal semula mengikut perkembangan semasa.

5 CABARAN DAN ANCAMAN UTAMA



Cabar pertama yang perlu diatasi oleh MAFI bagi mengurangkan ancaman dan jurang kelemahan sedia ada adalah untuk memastikan integrasi data-data jabatan dan agensi di bawah MAFI berjaya diintegrasikan.



Kedua, undang-undang sedia ada yang memberikan kuasa mutlak kepada pihak tertentu perlu dinilai semula dan ditambah baik demi menjaga kepentingan kerajaan dengan telus tanpa unsur-unsur kepentingan pihak tertentu.



Ketiga, campur tangan pihak ketiga dalam mana-mana prosedur dan tugas sehingga menuntut prosedur-prosedur tertentu untuk dilaksanakan menggunakan sistem dan teknologi bagi mengelakkan risiko dimanipulasi.



Cabar keempat, berpuncanya daripada kesan pemain industri yang ingin mengurangkan karenah birokrasi dan mewujudkan ekosistem yang menyokong kepada industri.



Cabar terakhir adalah kesukaran untuk mengesan gejala rasuah yang melibatkan warga MAFI memandangkan kurang kesedaran dan kerjasama untuk membuat laporan kepada UI MAFI.



FAKTOR-FAKTOR LAIN YANG MENYUMBANG KEPADA PELAKUAN RASUAH

1. Kebimbangan Melaporkan Aduan Tatatertib Dan Kesalahan Rasuah

Kebimbangan dan kurang kesedaran untuk melaporkan serta membuat aduan mengenai rasuah dan salah laku yang dilakukan oleh warga MAFI antara salah satu keadaan atau senario yang menjelaskan usaha-usaha mengesan dan mencegah perkara tersebut daripada berlaku. Walaupun MAFI telah menyediakan pelbagai saluran untuk menyampaikan aduan dan melindungi pengadu di bawah Seksyen 7, 8 dan 9 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Seksyen 65 (1) (2) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, aduan yang diterima mengenai rasuah dan tatakelakuan berkaitan warga MAFI masih di peringkat sederhana.

Natijahnya, usaha memerangi rasuah dan salah laku tidak dapat dibendung walaupun pelbagai saluran telah disediakan termasuk saluran aduan SISPA secara atas talian tetapi bilangan aduan atau maklumat yang diterima masih berkurangan. Begitu juga telah banyak lawatan pemantauan dan teguran di lapangan telah dilaksanakan bagi menutup ruang dan peluang pelakuan rasuah tetapi kes-kes yang berkaitan integriti dan rasuah masih tetap berlaku.

Punca-punca lain yang dikenal pasti menyumbang kepada kekurangan aduan ini antaranya:

- i. Tidak mahu mencampuri urusan orang lain atas prinsip "tidak mahu dikatakan menjaga tepi kain orang lain";
- ii. Salah laku telah menjadi kebiasaan dan budaya dalam urusan sehari-hari; dan
- iii. Kemungkinan berlaku pakatan dan saling melindungi antara satu sama lain bagi menjaga kepentingan peribadi.

2. Kurang Pengaplikasian Teknologi Moden Membuka Ruang Kepada Kelemahan Tadbir Urus.

Kelemahan dalam urusan dan prosedur yang melibatkan permohonan daripada golongan sasar atau pelanggan yang masih menggunakan borang secara manual telah membuka ruang kepada pemalsuan dan manipulasi dokumen selain risiko penyalahgunaan kuasa. Amalan seperti ini terdedah kepada pelbagai risiko kawalan dalaman yang lemah sehingga menyebabkan kerugian dan implikasi negatif terhadap golongan sasar. Penggunaan borang secara manual juga memudahkan campur tangan manusia berlaku hatta dimanipulasi seperti pemalsuan dokumen dan tandatangan. Dalam usaha memodenkan urusan dan meningkatkan kecekapan tadbir urus, penggunaan teknologi *Internet of Things* (IOT) dan *Artificial Intelligence*, selaras Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) adalah amat penting agar MAFI seiring dengan perkembangan teknologi terkini dan meninggalkan amalan lapuk dalam tadbir urus yang tidak lagi efektif dengan meminimumkan campur tangan manusia dan mengekang cubaan pemohon melakukan *false declaration*.

3. Kelemahan Nilai Etika, Integriti, Jati Diri dan Disiplin Yang Membuka Ruang dan Peluang Untuk Kepentingan Peribadi

Walaupun MAFI mempunyai pelbagai usaha bagi meningkatkan tahap integriti dalam kalangan warganya dengan memperkenalkan Kod Etika MAFI, Kerangka Pengurusan Integriti MAFI, Polisi Tidak Menerima Hadiyah, Ikrar Bebas Rasuah dan sebagainya. Namun begitu, tahap disiplin diri, kelemahan jati diri dan kekurangan integriti yang ada pada sejumlah individu telah menyebabkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan terjejas akibat tingkah laku yang menyalahi peraturan. Moto “Integriti Di Hatiku” membawa makna yang amat mendalam dan jika dihayati akan mengurangkan kecenderungan individu tersebut untuk terlibat dalam pelanggaran peraturan organisasi ditambah dengan pengisian program-program berbentuk kerohanian dan keagamaan yang sering dilaksanakan.

4. Kurangnya Kawalan Dalaman dan Pemantauan Berterusan

Sistem dan prosedur (SOP) yang berkesan serta jelas mampu membantu ketua jabatan mengawal tindak tanduk pegawai dalam aktiviti yang dijalankan dan memastikan kesalahan yang pernah berlaku tidak berulang. Sistem kawalan dalaman yang berkesan adalah alat pengurusan yang penting dan perlu dititik beratkan bagi mengurangkan risiko kecuaian atau penglibatan pegawai dalam aktiviti tidak beretika namun ianya perlulah dilaksanakan secara berkala dan berterusan. Sebagai usaha mengenal pasti kelemahan kawalan dalaman untuk diperbaiki, aktiviti pematuhan Unit Integriti MAFI akan sentiasa dipertingkatkan. Selain itu, penggunaan teknologi mampu menyokong dan menyumbang kepada tahap kawalan dalaman di MAFI.

5. Persepsi Negatif Kepada MAFI Disebabkan Oleh Tindakan Pelanggan dan Pihak Luar

Berdasarkan kepada kajian psikologi, persekitaran mampu mempengaruhi seseorang dalam tindak tanduk dan membuat keputusan. Ini terbukti dengan cabaran yang dialami oleh warga MAFI melibatkan pihak luar (pemegang taruh) seperti pemain industri yang turut terdedah kepada unsur penyalahgunaan bantuan dan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan sehingga menyebabkan pelbagai tohongan dilakukan terhadapnya kepada penjawat awam seolah-olah kesalahan tersebut berpunca dari pihak kerajaan.

Ketirisan hasil dan penyelewengan yang dilakukan oleh pihak luar seperti ini telah menyebabkan objektif kementerian tidak dapat dicapai dan masyarakat memandang serong terhadap penjawat awam yang berurus dalam pemberian bantuan dan insentif. Kegiatan tidak berintegriti yang melibatkan pihak luar ini sukar dikesan di peringkat kementerian dan masyarakat lebih cenderung untuk melaporkan terus kepada SPRM berbanding melaporkannya kepada pihak kementerian kerana kurang keyakinan kepada pegawai di kementerian. Ini menyebabkan pihak kementerian tidak dapat mengambil tindakan sejajarnya kepada pihak luar dan juga tindakan tatatertib kepada pegawai di kementerian.

6. Wujud Pakatan Antara Pegawai Dengan Pihak Industri, Pelanggan dan Pihak Berkepentingan

Kekerapan pegawai yang berkhidmat secara langsung atau pun yang menjalankan urusan secara terus dengan pihak-pihak luar boleh meningkatkan risiko hubungan tidak rasmi yang boleh menyumbang kepada persahabatan dan sikap terlalu bertolak ansur terutamanya di jabatan dan agensi yang berpusat di negeri dan daerah.

Punca hubungan tidak rasmi berlaku adalah bagi *ease of business* di mana pegawai perlu memudahkan urusan bagi memastikan kepentingan perniagaan dan industri tidak terjejas dan mengabaikan tanggungjawab yang sewajarnya dilaksanakan.


Senario ini merupakan salah satu kelemahan yang melibatkan faktor kelemahan manusia dan kekurangan pelaksanaan pusingan kerja atas dasar kekurangan tenaga kerja sehingga menyebabkan kecenderungan untuk pertimbangan seseorang menjadi berat sebelah dan tidak adil dalam urusan rasmi sehingga membelakangkan peraturan dan undang-undang demi kepentingan individu. Sikap pegawai akan bertukar menjadi “Little Napoleon” dan berani mengawal persekitaran sekeliling kerana kebergantungan jabatan terhadapnya semakin tinggi kerana berkhidmat dalam tempoh yang terlalu lama. Tindakan ke atas pegawai ini sukar diambil kerana pengaruh dan sokongan daripada pihak luar yang berkepentingan.



ANALISIS PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO

Kajian dan analisis data yang dilaksanakan dalam pembangunan pelan ini adalah rangkuman daripada data-data mentah (*raw data*) yang dikumpulkan dan diperolehi daripada sumber dalaman, luaran dan hasil-hasil kajian yang berkenaan bagi membantu penilaian risiko.


Data-data yang diperolehi terbahagi kepada tiga kategori seperti berikut:



ANALISIS DATA BERKENAAN MAFI

Analisis Data Aduan dan Tohmahan SPRM Terhadap MAFI

STATISTIK TOHMahan SPRM MENGIKUT KATEGORI ISU TAHUN 2015 - 2019




Hasil analisis data tohmahan SPRM yang dijalankan mendapat bahawa daripada 52 jumlah tohmahan yang diterima, kesalahan yang paling tinggi ialah melibatkan jenayah rasuah sebanyak 25 tohmahan iaitu 48% diikuti dengan kesalahan tadbir urus sebanyak 18 tohmahan iaitu 35% dan kesalahan melibatkan Integriti sebanyak 9 tohmahan iaitu 17%.

MAKLUMAT TOHMAHAN DITERIMA OLEH SPRM TAHUN 2015 SEHINGGA 2019



Hasil analisis yang dijalankan mendapati bahawa daripada keseluruhan 52 jumlah tohahan yang diterima, tahun 2017 mencatatkan jumlah tohahan tertinggi iaitu 22 diikuti tahun 2015 dengan 11 dan 2018 sebanyak 10 tohahan, tahun 2019 sebanyak 7 tohahan dan 2 tohahan sahaja pada tahun 2016.

KERTAS SIASATAN DIBUKA SPRM TAHUN 2015 SEHINGGA 2019




Berdasarkan daripada 52 jumlah aduan yang diterima, hanya 6 atau 12% sahaja aduan tersebut telah dibuka kertas siasatan oleh pihak SPRM. Pada tahun 2017 dan 2019 masing-masing terdapat sebanyak 2 kertas siasatan dibuka diikuti tahun 2015 dan 2018 masing-masing dengan 1 kertas siasatan dan tiada kertas siasatan dibuka pada tahun 2016.

Bagi tahun 2015, 2016 dan 2018 tiada sebarang tangkapan dibuat terhadap warga MAFI berbanding tahun 2017 sebanyak 6 tangkapan dan pada tahun 2019 pula sebanyak 1 tangkapan sahaja.

Statistik tuduhan ke atas warga MAFI menunjukkan bahawa tahun 2015, 2016 dan 2018 tidak mencatatkan apa-apa tuduhan berbanding tahun 2017 dan 2019 masing-masing sebanyak 1 pertuduhan. Pada tahun 2018, terdapat 1 kes sabitan yang melibatkan tuduhan kes tahun-tahun yang terdahulu.

PERBANDINGAN JUMLAH TANGKAPAN, TUDUHAN DAN KES SABITAN TAHUN 2015 SEHINGGA 2019



Secara kesimpulannya, kes melibatkan warga MAFI adalah masih dalam jumlah yang kecil namun begitu, kementerian tetap memandang serius dan tidak berkompromi dengan isu rasuah. Justeru pelbagai usaha digembleng oleh pihak kementerian agar warganya tidak terjebak dalam gejala rasuah.

ANALISIS DATA ADUAN BIRO PENGADUAN AWAM (BPA)

Daripada keseluruhan dapatan aduan mengenai MAFI bagi tahun 2015 sehingga 2019, aktiviti atau kesalahan yang dilaporkan adalah seperti carta di sebelah di mana Salah Laku Penjawat Awam mencatatkan bilangan aduan tertinggi iaitu sebanyak 30 aduan iaitu 20% diikuti aduan mengenai Kegagalan Penguatkuasaan sebanyak 28 aduan iaitu 19%, Tindakan Tidak Adil sebanyak 23 aduan iaitu 16%, Kualiti Perkhidmatan Kaunter dan telefon sebanyak 22 aduan iaitu 15%, Kegagalan Mengikut Prosedur sebanyak 21 aduan iaitu 14% dan lain-lain aduan.




ANALISIS DATA KES-KES TATATERTIB

Berdasarkan kepada statistik untuk tempoh tahun 2015 sehingga 2019 sebanyak 58 kes tataterrib telah dicatatkan melibatkan warga MAFI. Daripada 58 kes tersebut sebanyak 36 kes (62%) adalah melibatkan Tidak Hadir Bertugas. Sebanyak 22 kes (38%) adalah melibatkan 13 jenis kesalahan tataterrib yang lain seperti rajah di bawah.




Secara keseluruhannya jumlah kes tatatertib mengikut tahun didominasi oleh tahun 2015, dengan jumlah yang paling tinggi sebanyak 28 kes atau 48%. Pada tahun 2016 jumlah kes yang di catatkan mula menurun sebanyak 10 kes kepada 18 kes atau 31% di ikuti tahun 2017 sebanyak 7 kes atau 12% manakala tahun 2018 sebanyak 4 kes atau 7% dan tahun 2019 sebanyak 1 kes atau 2%.




Kesalahan tidak hadir bertugas merupakan jumlah yang paling tinggi berbanding dengan kesalahan-kesalahan lain yang dilaporkan dan mendominasi jumlah kes yang tinggi pada tahun 2015 sebanyak 24 kes. Bermula pada tahun 2016, rekod kes yang dicatatkan mula menurun iaitu sebanyak 5 kes, tahun 2017 sebanyak 4 kes, tahun 2018 sebanyak 3 kes dan tiada kes pada tahun 2019.

JUMLAH KES TIDAK HADIR BERTUGAS MENGIKUT TAHUN 2015 - 2019




ANALISIS HUKUMAN TATATERTIB

Bagi tempoh 2015 sehingga 2019 sebanyak 46 kes telah dijatuhkan hukuman-hukuman tataterrib. Daripada jumlah tersebut, hukuman yang paling banyak dikenakan adalah Buang Kerja sebanyak 17 kes iaitu 37%, Tangguh Pergerakan Gaji sebanyak 11 kes iaitu 24%, Amaran sebanyak 10 kes iaitu 22% diikuti Turun Gaji sebanyak 5 kes iaitu 11%, Denda sebanyak 2 kes iaitu 4% dan bakinya Lucut Hak Emolumen sebanyak 1 kes iaitu 2%.



ANALISIS BIDANG BERISIKO KEPADA RASUAH

Hasil analisis data melalui CRM MAFI sebanyak 48 risiko telah dikenal pasti serta didaftarkan dan mendapati bahawa bidang yang paling tinggi cenderung kepada rasuah ialah Bidang Pengurusan Perolehan sebanyak 27 risiko iaitu 57% diikuti dengan Bidang Pengurusan Permit/Lesen/Kuota sebanyak 10 risiko iaitu 21%, Bidang Penguatkuasaan dan Pendakwaan Padi Beras sebanyak 7 risiko iaitu 14% seterusnya Bidang Pengurusan Bantuan/Insentif sebanyak 2 risiko iaitu 4% dan terakhir Bidang Pentadbiran dan Pengurusan Awam sebanyak 2 risiko iaitu 4%.





Semoga pelan OACP ini dapat meraudu MAFI ke arah organisasi yang dihormati kerana prinsip dan amalan berteraskan INTEGRITI di kalangan warga kerjanya.

- SHAHRIL FAIZAL ABDUL JANI -
1/10/2020

Shahril Faizal bin Abdul Jani
Setiausaha Bahagian
Dasar dan Perancangan Strategik

Apabila setiap individu bekerjasama rasuah maka amalan rasuah dapat diatasi. Keimanan dan keperibadian yang tinggi adalah benteng yang paling ampuh untuk membantarkan gejala rasuah.



Helmy Zai bin Ibrahim
Setiausaha Bahagian Kewangan

BAB 3 : PEMERKASAAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH

“Sesungguhnya Allah SWT sangat suka (mencintai) apabila seseorang daripada kamu melakukan kerja, maka dia bekerja dengan penuh tekun (sentiasa memperbaiki dan mempertingkatkan mutu kerjanya)”

[Riwayat Al-Baihaqi]



KERANGKA KARMA 2021 - 2025

KERANGKA KARMA 2021 - 2025					
VISI	Peneraju Pertanian dan Industri Makanan Berintegriti, Telus dan Mesra Rakyat				
MISI	Meningkatkan Kecekapan Pengagihan Insentif Pertanian Secara Bersasar	Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan Yang Cekap dan Berintegriti	Memperkuuhkan Jati diri Warga MAFI		
MATLAMAT	Meningkatkan Akauntabiliti Penyampaian Perkhidmatan Kepada Golongan Sasar	Mempertingkatkan Penguatkuasaan dan Pemantauan	Membudayakan Nilai dan Etika Murni Dalam Penyampaian Perkhidmatan		
BIDANG KEUTAMAAN	Pengurusan Perolehan Awam	Pengurusan Permit/ Lesen/Kuota	Penguatkuasaan dan Pendakwaan Padi Beras	Pengurusan Bantuan/ Insentif	Pentadbiran dan Pengurusan Awam
STRATEGI	Memantapkan Kecekapan dan Ketelusan Pengurusan Perolehan	Mengukuhkan Ketelusan dan Kecekapan Proses Pengurusan Permit, Lesen dan Kuota	Meningkatkan Kecekapan dan Akauntabiliti Tatacara Penyiasatan dan Pendakwaan	Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Bantuan dan Insentif	Memantapkan Integriti Warga Kementerian


Bagi mencapai matlamat menangani masalah rasuah, salah laku dan kelemahan tadbir urus MAFI, pelan ini telah dibangunkan dengan menetapkan Visi, Misi, Matlamat, Bidang Keutamaan dan Strategi yang jelas dalam kerangka secara berstruktur supaya lebih berfokus, sistematik dan mudah untuk difahami seterusnya dihayati.

Terdapat lima (5) strategi utama yang telah ditetapkan bagi mengatasi isu rasuah dan salah laku iaitu Memantapkan Kecekapan dan Ketelusan Pengurusan Perolehan, Mengukuhkan Ketelusan dan Kecekapan Proses Pengurusan Permit, Lesen dan Kuota, Meningkatkan Kecekapan dan Akauntabiliti Tatacara Penyiasatan dan Pendakwaan, Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Bantuan dan Insentif serta Memantapkan Integriti Warga Kementerian.

Kesemua lima (5) strategi tersebut dikenal pasti secara khusus agar dapat membantu mengurangkan risiko rasuah terutamanya dalam lima (5) Bidang Keutamaan MAFI iaitu Pengurusan Perolehan Awam, Pengurusan Lesen/Permit/Kuota, Penguatkuasaan dan Pendakwaan Padi Beras, Pengurusan Bantuan/Insentif dan terakhir sekali Pentadbiran dan Pengurusan Awam.



ANALISIS PUNCA RASUAH DAN SALAH LAKU




Analisis punca rasuah dan salah laku MAFI diperolehi melalui *Corruption Risk Management* (CRM) MAFI dan sesi libat urus bersama Jawatankuasa Pembangunan KARMA 2021 – 2025 yang terdiri daripada enam (6) bahagian dan empat (4) unit iaitu Bahagian Pembangunan (PEM), Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB), Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DPS), Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan (ITTP), Bahagian Kewangan (KEW), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU), Unit Audit Dalam (UAD) dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) serta Unit Integriti (UI) sebagai Urus Setia.

Bagi tujuan penentuan keutamaan pelan tindakan KARMA 2021 – 2025, tiga (3) punca paling signifikan daripada Analisis CRM seperti atas di atas dipilih merangkumi 82% daripada keseluruhan tujuh (7) terma rujukan CRM iaitu Kelemahan Sistem dan Prosedur Kerja (SOP) sebanyak 33%, Kelemahan Kawalan Dalaman sebanyak 31% serta Nilai Murni dan Kod Etika sebanyak 18%.



ANALISIS KUADRAN DAN PELAN TINDAKAN

Hasil analisis kuadran yang telah dilaksanakan sebanyak 48 pelan tindakan akan diberi keutamaan berdasarkan punca rasuah dan salah laku integriti yang ditemui. Penentuan keutamaan ini adalah berdasarkan Prinsip Pareto 80/20 melalui analisis terhadap tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaan, dimana penekanan akan ditumpukan kepada pelan tindakan yang berimpak tinggi dengan kompleksiti rendah yang mana akan memberi kesan besar kepada kecekapan dan ketelusuran MAFI. Sehubungan itu terdapat sembilan (9) Pelan Tindakan yang akan diberi keutamaan seperti mana rajah di bawah.



KEUTAMAAN STRATEGIK

Berlandaskan kepada Prinsip Pareto 80/20, sebanyak 80% masalah di sebabkan oleh beberapa penyebab utama yang hanya sebanyak 20% sahaja. Oleh yang demikian, keutamaan diberikan kepada pelan tindakan berimpak tinggi iaitu 20% daripada jumlah 48 pelan tindakan yang telah disenaraikan daripada CRM MAFI. Menggunakan nisbah 20% daripada 48, sebanyak 9 pelan tindakan diberikan keutamaan dan berimpak tinggi iaitu 7 pelan tindakan dalam dalam Kuadran A yang memberikan impak tinggi dengan kompleksiti rendah dan 2 pelan tindakan dalam Kuadran B yang memberikan impak tinggi dengan kompleksiti tinggi. Senarai pelan tindakan tersebut seperti senarai di bawah:

BIL NO	PELAN TINDAKAN	KUADRAN
1 2	Mengukuhkan praktis sistem pusingan kerja bagi jawatan sensitif yang menguruskan perolehan bagi tempoh 3-5 tahun	A Strategi 1
2 9	Memperkenalkan dokumen mesyuarat perolehan secara atas talian sepenuhnya	A Strategi 1
3 10	Melaksanakan penambahaikan klausu dalam kontrak untuk melindungi kepentingan kerajaan	A Strategi 1
4 12	Menambah baik peraturan dan menepati ISO 9001:2015 di setiap bahagian yang berkaitan dengan prosedur kewangan dan perolehan	A Strategi 1
5 20	Melaksanakan penambahan perjawatan atau penstrukturkan semula anggota penguatkuasa	B Strategi 3
6 29	Membangunkan sistem bersepadu pengurusan bantuan dan insentif, permohonan geran, kelulusan dan pemantauan	B Strategi 4
7 33	Menambah klausu tindakan jenayah terhadap kesalahan pemalsuan dalam borang permohonan dan pelaporan	B Strategi 4
8 34	Penambahbaikan borang penilaian lawat siasat bagi tujuan perakuan projek dan penerimaan bantuan (Klausu 463 KK-SPRM)	B Strategi 4
9 42	Menambah baik dan mengemaskini Kod Etika MAFI	A Strategi 5

BIDANG KEUTAMAAN

01 Pengurusan Perolehan Awam

STRATEGI

Memantapkan Kecekapan dan Ketelusan Pengurusan Perolehan



Mengukuhkan Mekanisme Struktur dan Kompetensi Pegawai Perolehan



Menambah baik Akauntabiliti dan Ketelusan Dalam Perolehan Melalui Pengaplikasian Teknologi dan Pemantapan Dasar



STRATEGI

Memantapkan Kecekapan dan Ketelusan Pengurusan Perolehan



Mengukuhkan Mekanisme Struktur dan Kompetensi Pegawai Perolehan

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Mengukuhkan mekanisme menguruskan kewangan dan perolehan	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Tempoh 3 Tahun (2021 - 2023)
2	Mengukuhkan praktis sistem pusingan kerja bagi jawatan sensitif yang menguruskan perolehan bagi tempoh 3 hingga 5 tahun	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Tempoh 3 Tahun (2021 - 2023)
3	Menambah kakitangan teknikal yang terlibat dalam menyediakan spesifikasi dan penilaian	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Tempoh 3 Tahun (2021 - 2023)
4	Melaksanakan perolehan tender secara berpusat mengikut had nilai tender	Bahagian Kewangan	Tempoh 3 Tahun (2021 - 2023)
5	Mengadakan atau menghadiri kursus berkaitan kewangan dan perolehan secara berkala bagi meningkatkan pengetahuan berkaitan	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Bahagian Kewangan	Tempoh 1 Tahun (Jan - Dis 2021)
6	Menganjurkan dan menyertai kursus pengurusan projek	Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian Bahagian Pembangunan	Tempoh 1 Tahun (Jan - Dis 2021)
7	Meningkatkan kefahaman tentang Garis Panduan Surat Sokongan	Unit Integriti	Berterusan
8	Mewujudkan Bahagian Kewangan dan Perolehan secara berpusat	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Bahagian Kewangan	Tempoh 3 Tahun (2021 - 2023)

STRATEGI

Memantapkan Kecekapan dan Ketelusan Pengurusan Perolehan



Menambah baik Akauntabiliti dan Ketelusan Dalam Perolehan Melalui Pengaplikasian Teknologi dan Pemantapan Dasar

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
9	Memperkenalkan dokumen mesyuarat perolehan secara atas talian sepenuhnya	Bahagian Kewangan	Tempoh 3 Tahun (2021 - 2023)
10	Melaksanakan penambahanbaikan klausa dalam kontrak untuk melindungi kepentingan kerajaan	Pejabat Penasihat Undang-undang	Berterusan
11	SOP Pengurusan Perolehan di Pejabat Luar Negara dikemas kini dan ditambah baik	Bahagian Kewangan	Tempoh 3 Tahun (2021 - 2023)
12	Menambah baik peraturan dan menepati ISO 9001:2015 di setiap bahagian yang berkaitan dengan prosedur kewangan dan perolehan	Bahagian Pentadbiran Bahagian Kewangan	Tempoh 3 Tahun (2021 - 2023)
13	Melaksanakan pemantauan pelaksanaan tindakan susulan bagi setiap pelanggaran peraturan oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan	Unit Audit Dalam	Berterusan

BIDANG KEUTAMAAN

02 Pengurusan Permit/Lesen/Kuota

STRATEGI

Mengukuhkan Ketelusan Dan Kecekapan Proses Pengurusan Permit, Lesen dan Kuota



Memantapkan Kecekapan dan Ketelusan Dalam Pengurusan Permit/Lesen/Kuota

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
14	Mewujudkan sistem baru terhadap sistem dalam talian untuk memproses permohonan, kelulusan dan kawalan kuota import	Bahagian Pemasaran dan Eksport Bahagian Pengurusan Maklumat	Tempoh 5 Tahun (2021 - 2025)
15	Penambahbaikan sistem dalam talian untuk memproses permohonan, kelulusan dan kawalan bagi lesen dan permit	Bahagian Industri Padi dan Beras Bahagian Pengurusan Maklumat	Tempoh 5 Tahun (2021 - 2025)
16	Menambah baik dan menyeragamkan peraturan memproses dan meluluskan bagi permit dan lesen sedia ada untuk diguna pakai oleh semua agensi terlibat	Bahagian Industri Padi dan Beras Bahagian Pengurusan Maklumat	Berterusan
17	Arahan dalam mengenai kriteria pemilihan pengiliran tugas dan penempatan yang berisiko.	Bahagian Industri Padi dan Beras Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021 - 2025)

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
18	Meningkatkan peraturan dan pemahaman pegawai dan anggota penguatkuasa dalam tatacara pengurusan lesen dan permit	Bahagian Industri Padi dan Beras Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan	Tempoh 1 tahun (Jan - Dis 2021)
19	Mewujudkan SOP pengendalian dokumen terperingkat berkaitan Jawatankuasa Kawalan Import dan Eksport Keluaran Pertanian Terpilih (JKIEKP)	Bahagian Pemasaran dan Eksport	Tempoh 1 tahun (Jan - Dis 2021)
20	Melaksanakan penambahan perjawatan atau penstrukturkan semula anggota penguatkuasa	Bahagian Industri Padi dan Beras Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Tempoh 5 Tahun (2021 - 2025)
21	Melaksanakan naziran terhadap tindakan susulan bagi setiap pelanggaran kepada prosedur sedia ada bagi proses permohonan dan kelulusan bagi permit dan lesen.	Bahagian Industri Padi dan Beras Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan	Berterusan



BIDANG KEUTAMAAN

03 Penguatkuasaan dan Pendakwaan Padi Beras

STRATEGI

Meningkatkan Kecekapan dan Akauntabiliti Tatacara Penyiasatan dan Pendakwaan



Meningkatkan Kecekapan dan Ketelusan Penguatkuasaan dan Pendakwaan Melalui Pemantapan Teknologi dan Dasar

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
22	Mewujudkan sistem kawalan dan pemantauan secara langsung seperti <i>body camera</i> dan sistem laporan secara dalam talian	Bahagian Industri Padi dan Beras	Tempoh 5 Tahun (2021 - 2025)
23	Menambah baik kaedah sistem penggiliran tugas dengan membangunkan sistem secara elektronik	Bahagian Industri Padi dan Beras Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Tempoh 3 Tahun (2021 - 2023)
24	Penstrukturkan semula unit pendakwaan dengan menambah perjawatan dan penempatan bagi mewujudkan mekanisme <i>check and balance</i>	Bahagian Industri Padi dan Beras Pejabat Undang-Undang Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Tempoh 3 Tahun (2021 - 2023)

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
25	Memantapkan kompetensi dan pengetahuan pegawai dalam penguatkuasaan undang-undang	Bahagian Industri Padi dan Beras Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Tempoh 3 tahun (2021 - 2023)
26	Pengasingan struktur Seksyen KPB yang ditempatkan di IPB bagi tujuan menumpukan dan memantapkan penguatkuasaan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (AKTA 522)	Bahagian Industri Padi dan Beras Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Tempoh 5 tahun (2021 - 2025)
27	Penambahbaikan dan semakan semula Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (AKTA 522)	Bahagian Industri Padi dan Beras Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Tempoh 5 tahun (2021 - 2025)
28	Memantap dan menambah baik garis panduan berhubung penyiasatan, penguatkuasaan dan pendakwaan bagi pelaporan kes	Bahagian Industri Padi dan Beras Pejabat Undang-undang	Tempoh 3 Tahun (2021 - 2023)



BIDANG KEUTAMAAN

04 Pengurusan Bantuan/Insentif

STRATEGI

Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Bantuan dan Insentif



Menambah Baik Tatacara Pengurusan Bantuan dan Insentif Melalui Sistem Teknologi dan Pemantapan Dasar

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
29	Membangunkan sistem bersepadu pengurusan bantuan dan insentif, permohonan geran, kelulusan dan pemantauan	Bahagian Pengurusan Maklumat	Tempoh 5 Tahun (2021 - 2025)
30	Menyeragamkan data-data usahawan bagi mengelakkan pertindihan	Bahagian Industri Makanan Unit Agropreneur Muda	Tempoh 1 Tahun (Jan - Dis 2021)
31	Menyemak semula peraturan sedia ada secara berkala	Bahagian Industri Makanan Unit Agropreneur Muda	Tempoh 1 Tahun (Jan - Dis 2021)
32	Menyeragamkan peraturan bagi proses permohonan dan kelulusan geran	Bahagian Industri Makanan Unit Agropreneur Muda	Tempoh 1 Tahun (Jan - Dis 2021)
33	Menambah klausula tindakan jenayah terhadap kesalahan pemalsuan dalam borang permohonan dan pelaporan	Bahagian Industri Makanan Unit Agropreneur Muda	Tempoh 1 Tahun (Jan - Dis 2021)
34	Penambahbaikan borang penilaian lawat siasat bagi tujuan perakuan projek dan penerimaan bantuan (Klausula 463 KK-SPRM)	Bahagian Industri Makanan Unit Agropreneur Muda	Berterusan

STRATEGI

Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Pengurusan Bantuan dan Insentif



Meningkatkan Tindakan Pematuhan Terhadap SOP Dalam Pengurusan Bantuan dan Insentif

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
35	Melaksanakan audit berkala atau mengejut dalam proses permohonan dan pemilihan penerima geran	Bahagian Industri Makanan Unit Agropreneur Muda Unit Audit Dalam	Berterusan
36	Melaksanakan audit berkala atau mengejut dalam data penyaluran peruntukan program dan projek	Bahagian Industri Makanan Unit Agropreneur Muda Unit Audit Dalam	Berterusan
37	Mewujudkan satu mekanisme punitif kepada pegawai dan pemohon atas ketidakpatuhan dan kecuian	Bahagian Industri Makanan Unit Agropreneur Muda Unit Integriti	Tempoh 1 Tahun (Jan - Dis 2021)
38	Menguar-uarkan saluran aduan bagi sebarang ketidakpuasan hati kumpulan sasar berkaitan bantuan dan geran	Bahagian Industri Makanan Unit Agropreneur Muda	Tempoh 1 Tahun (Jan - Dis 2021)

BIDANG KEUTAMAAN

05 Pentadbiran dan Pengurusan Awam

STRATEGI

Memantapkan Integriti Warga Kementerian



Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Perkhidmatan Awam Menerusi Pemantapan Integriti

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
39	Meningkatkan audit berkala atau mengejut terhadap pematuhan pentadbiran dan pengurusan awam	Unit Audit Dalam Unit Integriti	Berterusan
40	Menggiatkan program pengukuhan integriti terhadap warga MAFI	Unit Integriti	Berterusan
41	Menguar-uarkan saluran aduan kepada warga MAFI	Unit Integriti	Berterusan
42	Menambah baik dan mengemaskini Kod Etika MAFI	Unit Integriti	Tempoh 1 Tahun (Jan - Dis 2021)
43	Meningkatkan kekerapan kursus dan taklimat berkenaan integriti dan pencegahan rasuah	Unit Integriti	Berterusan

BIL	PELAN TINDAKAN	PELAKSANA	TEMPOH MASA
44	Pemantauan terhadap warga MAFI dalam menandatangani Akta Rahsia Rasmi 1972 secara konsisten	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Unit Integriti	Berterusan
45	Mewujudkan Kod Etika Penguatkuasa	Bahagian Industri Padi dan Beras	Tempoh 1 Tahun (Jan - Dis 2021)
46	Mengadakan taklimat atau peringatan berkaitan jenis-jenis kesalahan perlakuan jenayah rasuah kepada urusetia dan Ahli Jawatankuasa Import dan Eksport Pengeluaran Pertanian Terpilih (JKIEKP)	Unit Integriti	Berterusan
47	Mewujudkan Anugerah Pekerja Contoh secara bulanan	Unit Integriti Semua Bahagian dan Unit	Berterusan
48	Memupuk kesedaran bahaya rasuah secara berterusan menerusi perkongsian pengalaman	Unit Integriti	Berterusan





Khairul Azreem bin Mamat
Penasihat Undang-Undang

Being a person of
INTEGRITY
Doesn't mean being
perfect
It means being
AUTHENTIC

Khairul Azreem

semoga unit Integriti dan
Pelan OACP 2021 - 2025 berjaya
membudayakan MAFI dengan
nilai-nilai tuhan integriti

'INTEGRITI = IMAN'

R. S.

NORFAIZAH BINTI OMAR
(SUB PSM)




Norfaizah binti Omar
Setiausaha Bahagian
Pengurusan Sumber Manusia

BAB 4 : TADBIR URUS

"Apabila amanah itu disia-siakan, maka tunggulah kehancuran.
Sahabat bertanya! Bagaimana mensia-siakannya.
Rasulullah S.W.T menjawab : Apabila sesuatu jawatan itu di serahkan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancuran."

[Riwayat Al-Bukhari]




BIDANG-BIDANG BERISIKO

Kesemua lima (5) bidang yang dikenal pasti cenderung kepada rasuah dalam analisis data yang dilaksanakan telah diambil kira dalam penyediaan kerangka dan pembangunan pelan tindakan antirasuah MAFI. Langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan adalah menjurus secara langsung terhadap bidang-bidang tersebut dengan memberikan penekanan secara berfokus agar punca yang dikenal pasti dapat diatasi serta halangan mengatasi rasuah dapat dioptimumkan bagi memberikan *outcome* dan impak yang besar terhadap kejayaan KARMA 2021 - 2025.



MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN

Bagi mencapai matlamat menangani masalah rasuah, salah laku dan tadbir urus, pelaksanaan pelan ini perlu melibatkan penyertaan secara menyeluruh di semua peringkat yang akan diterjemahkan menerusi penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan/*Monitoring and Evaluation* (M&E) KARMA 2021 - 2025 di mana Unit Integriti MAFI sebagai urus setia. Jawatankuasa tersebut dibentuk secara khusus bagi tujuan memantau dan menilai pelaksanaan pelan tindakan yang digariskan secara holistik dan komprehensif seperti struktur berikut:



Tempoh pelaksanaan strategi yang digariskan dalam pelan ini telah dirangka dan digubal bagi tempoh lima (5) tahun, mulai tahun 2021 sehingga 2025 bagi mencapai visi, misi dan matlamat yang telah digariskan dalam KARMA 2021 - 2025.

Bagi mencapai matlamat tersebut, semua pihak yang berkaitan perlu secara berterusan memantau gerak kerja, menilai semula pelan tindakan yang disenaraikan dan menambah baik tindakan mengikut keperluan dan perkembangan semasa serta sentiasa mencari mekanisme terbaik dalam menangani isu yang timbul bagi mengekang isu yang sama daripada berulang.




Kesepadan antara nilai integriti keimpihan dengan nilai integriti pasukan warga kerja adalah penting bagi mewujudkan organisasi yang berintegriti.

Senoga OACP ini dapat difajikan rujukan dalam melesterikan budaya kerja warga MAFI yang berintegriti, sebaik rasmi serta selasai salah guna kuasa dalam menyampaikan perkembangan awam yang terbaik.


7/10/2020

Teh Kamsiah binti Ahmad
Amiruddin@Amir
Ketua Unit Audit Dalam


"Buat perkara yang betul dan ikhlas walaupun payah dan jangat takut untuk bersikap jujur walaupun ianya boleh untuk dihorina"


FAROOQ TAIB ABDILLAH
Unit Komunikasi Korporat
"MAFI"



Abdul Taib bin Abdillah
Unit Komunikasi Korporat

Kesinambungan pelaksanaan dan pemantauan KARMA 2021 - 2025 adalah amat penting dan perlu dititikberatkan bagi memastikan tahap keberkesanan dan pemantapan tadbir urus merangkumi keseluruhan lapisan termasuk di jabatan dan agensi di bawah MAFI. Bagi mencapai matlamat tersebut, semua jabatan dan agensi di bawah MAFI telah diarahkan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah di peringkat jabatan dan agensi dan memastikan pembangunan Pelan Antirasuah dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Secara strukturnya, hubungan antara jawatankuasa peringkat MAFI, jabatan dan agensi adalah saling berkaitan seperti struktur di bawah.





KESIMPULAN

Akhir kalam, MAFI sentiasa bertekad dan beriltizam untuk memastikan semua warganya bebas daripada gejala rasuah dan mempunyai integriti pada tahap paling tinggi dengan sentiasa mengenal pasti sebarang bentuk ancaman dan risiko rasuah yang membelenggu perkhidmatan awam dan mengambil tindakan untuk menanganinya secara bersistematik.

Seiring dengan aspirasi kerajaan menjadikan "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah", MAFI turut seiring dalam memastikan imej dan kredibiliti warganya dikenali sebagai warga yang berintegriti tinggi dan menolak budaya rasuah.

Dengan aspirasi tersebut, KARMA 2021 - 2025 diharapkan mampu diterjemahkan sebagai usaha pencegahan rasuah yang perlu didokong dan dihayati oleh semua warganya secara serius untuk merialisasikan hasrat tersebut.

Amalan rasuah yang berlaku sekiranya tidak diambil tindakan akan menyebabkan pelan ini dilihat sebagai *show peacock* yang kesannya hanya tampak hebat secara lahiriah tetapi tidak memberikan sebarang impak sebaliknya memberikan implikasi negatif terhadap kemaslahatan masyarakat.

Bagi memastikan kelangsungan KARMA 2021 - 2025 yang dibangunkan, komitmen warga MAFI dan sokongan jabatan serta agensi amat diperlukan menerusi pelaksanaan keseluruhan pelan tindakan atau inisiatif yang telah digariskan termasuk pemantauan dan penilaian agar segala usaha yang dijalankan sentiasa relevan dan dapat diukur tahap keberkesanannya serta seiring dengan perubahan semasa dan kemajuan teknologi yang pesat membangun. Adalah menjadi tanggungjawab bagi semua pihak untuk bertindak sebagai benteng kepada rasuah dan sentiasa siap siaga untuk melaksanakan pelan tindakan KARMA 2021 - 2025 agar MAFI sentiasa lestari dan ulung dalam perkhidmatan awam.

Kesimpulannya, KARMA 2021 - 2025 telah berjaya menggariskan sebanyak 48 Pelan Tindakan menangani rasuah, salah laku dan integriti. Justeru, pelan ini perlu dijadikan panduan utama bagi menaikkan imej kementerian dan memastikan sebarang bentuk salah laku dan isu tadbir urus dapat ditangani sekali gus ketirisan hasil negara dapat dibendung daripada terus berlaku menerusi langkah-langkah pencegahan yang telah digariskan.



Sekian, akhir kalam

Firman Allah S.W.T. (maksudnya):

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) diantara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa padahal kamu mengetahui (salahnya)."

(Surah Al-Baqarah: 188)

Sekalung Budi

PENGERUSI

YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID

KETUA PENYELARAS

TUAN AZMIN BIN YUSOFF

PENYELARAS

PUAN RUHAYA BINTI RAZLI

PUAN SITI NURAIN BINTI MOHD NASIR

PUAN AYUNI BINTI RAANIN

AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KARMA 2021 - 2025

BIL	NAMA	BAHAGIAN / UNIT
1	Puan Habshah binti Ali	Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
2	Puan Safida Zalma binti Mohd Piah	Bahagian Pembangunan (PEM)
3	Encik Mazlan bin Othman	Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan (ITTP)
4	Encik Azman bin Mahmood	Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB)
5	Encik Shahril Faizal bin Abdul Jani	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DPS)
6	Encik Helmy Zai bin Ibrahim	Bahagian Kewangan (KEW)
7	Puan Norfaizah binti Omar	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (PSM)
8	Encik Khairul Azreem bin Mamat	Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU)
9	Puan Teh Kamsiah binti Ahmad Amiruddin	Unit Audit Dalam (UAD)
10	Encik Abdul Taib bin Abdillah	Unit Komunikasi Korporat (UKK)

PESERTA BENGKEL CORRUPTION RISK MANAGEMENT (CRM) TAHUN 2020

BIL	NAMA	BAHAGIAN / UNIT
1	Encik Adi Abyadi Azman	Unit Integriti MAFI
2	Encik Muhammad Naim bin Saad	Unit Integriti MAFI
3	Puan Raihana binti Rahim	Unit Integriti MAFI
4	Ustaz Ahmad Shahrom bin Zamri	Unit Integriti MAFI
5	Puan Nurmalizar binti Mohamad	Unit Integriti MAFI
6	Encik Mohamad Nor Ridhwan b. Anuar	Unit Integriti MAFI
7	Encik Shamsul Akbar bin Sulaiman	Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB)
8	Puan Nadhilah binti Mahmood	Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB)
9	Puan Rohaya binti Ahmad	Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB)
10	Encik Mohd Noor Effendie bin Johari	Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB)
11	Puan Noor Mazirah binti Teh	IADA Pulau Pinang (IPB)
12	Puan Nurul Ain binti Mohd Nadri	IADA Pulau Pinang (IPB)
13	Encik Nazree bin Mohamad	Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan (ITTP)
14	Puan Hafizataun binti Ramelan	Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan (ITTP)
15	Puan Nor Azirah binti Abdul Ghani	Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan (ITTP)
16	Puan Dayana Anith binti Suhainih	Bahagian Industri Makanan (IM)
17	Puan Nurul Hidayah binti Abdul Ghani	Bahagian Industri Makanan (IM)
18	Encik Ismail bin Muhamed	Bahagian Industri Makanan (IM)
19	Encik Muhammad Ezri bin Shamsuddin	Unit Agropreneur Muda (UAM)
20	Dr. Ahmad Zulhizri bin Ahmad Sulaiman	Unit Agropreneur Muda (UAM)
21	Sr. Nurazaini binti Mokhtar	Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP)
22	Ir. Muhammad Afif bin Halim	Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP)

BIL	NAMA	BAHAGIAN / UNIT
23	Encik Idham Halimie bin Idris	Bahagian Pembangunan (PEM)
24	YBhg. Datin Sri Wan Rosliza binti Abdul Rashid	Bahagian Pemasaran dan Eksport (BPE)
25	Puan Nik Nor Aiza binti Nik Abdul Aziz	Bahagian Pemasaran dan Eksport (BPE)
26	Puan Suhaili binti Mohamad Zahidi	Bahagian Pemasaran dan Eksport (BPE)
27	Encik Asnawi bin Abd Latif	Bahagian Pemasaran dan Eksport (BPE)
28	Dr. Tariq bin Jaafar	Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)
29	Puan Nur Najmi Basyeer binti Abdul Karim	Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)
30	Puan Sharizat binti Mohd Kassim	Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)
31	Encik Chong Ka Foo	Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)
32	Encik Mohd Hafezzudeen bin Che Hassan	Bahagian Kewangan (KEW)



Sesi Pemurnian CRM Bersama Unit Agropreneur Muda



Sesi Pemurnian CRM Bersama Unit Agropreneur Muda

PESERTA BENGKEL CORRUPTION RISK ASSESSMENT (CRA) TAHUN 2020

BIL	NAMA	BAHAGIAN / UNIT
1	Encik Adi Abyadi Azman	Unit Integriti MAFI
2	Encik Muhammad Naim bin Saad	Unit Integriti MAFI
3	Puan Raihana binti Rahim	Unit Integriti MAFI
4	Puan Norimah binti Abu Bakar	Unit Integriti MAFI
5	Encik Mohamad Nor Ridhwan b. Anuar	Unit Integriti MAFI
6	Puan Habshah binti Ali	Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)
7	Puan Safida Zalma binti Mohd Piah	Bahagian Pembangunan (PEM)
8	Encik Mazlan bin Othman	Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan
9	Encik Azman bin Mahmood	Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB)
10	Encik Shahril Faizal bin Abdul Jani	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (DPS)
11	Encik Helmy Zai bin Ibrahim	Bahagian Kewangan (KEW)
12	Puan Norfaizah binti Omar	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (PSM)
13	Encik Khairul Azreem bin Mamat	Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU)
14	Encik Uzaimi bin Abdul Hamid	Unit Audit Dalam (UAD)
15	Encik Mohd Fadil bin Sarif	Unit Komunikasi Korporat (UKK)
16	Encik Khalid bin Ibrahim	Bahagian Pemasaran dan Eksport (BPE)
17	Encik Shamsul Akbar bin Sulaiman	Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB)
18	Encik Hussin bin Mahmud	Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)
19	YBhg. Datin Sri Wan Rosliza binti Abdul Rashid	Bahagian Pemasaran dan Eksport (BPE)
20	Sr. Nurazaini binti Mokhtar	Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP)
21	Dr. Tariq bin Jaafar	Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP)

22	Puan Noraisha Akma binti Ismail	Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan (ITTP)
23	Encik Muhammad Ezri bin Shamsuddin	Unit Agropreneur Muda (UAM)
24	Encik Idham Halimie bin Idris	Bahagian Pembangunan (PEM)
25	Ir. Muhammad Afif bin Halim	Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP)
26	Encik Jaswan bin Mulop	Bahagian Industri Makanan (IM)
27	Puan Norimah binti Amat Sailan	Bahagian Industri Padi dan Beras (IPB)

PENGHARGAAN KHAS

BIL	NAMA	BAHAGIAN / UNIT
1	YBhg. Dato' Muhammad Salim Sundar bin Abdullah	Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)
2	Tuan Jamil bin Mohd Dahalan	Mantan Ketua Unit Integriti
3	Tuan Sudirman bin Aban	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
4	Tuan Zaihairy bin Mohd Yunus	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
5	Puan Zakiah binti Hasan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
6	Puan Hamidah binti Aziz	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
7	Tuan Adib bin Othman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
8	Puan Maysara @ Nur Faridah binti Mohammad	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
9	Tuan Mohd Hazizi bin Abdul Aziz	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
10	Puan Nur Merlynda Lee binti Jipa	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)



Peserta Bengkel CRM, Port Dickson



Sesi Pemurnian CRM Bersama Bahagian Pembangunan



Peserta Bengkel CRM, Port Dickson

*AJK DACP
dan Tenaga Pengajar (JKDM)*



URUS SETIA



merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan kerjasama secara langsung atau tidak langsung sepanjang buku ini dihasilkan.